



**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 11 TAHUN 2015**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan panduan bagi pengurusan Pasukan Penyelamat Perhutanan di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Hutan Daerah/Jajahan di Semenanjung Malaysia serta kaedah pengurusannya.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejak kebelakangan ini, banyak insiden yang berlaku di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal yang mana telah mengakibatkan banyak kerosakan harta benda dan juga kehilangan nyawa. Antara insiden yang sering berlaku di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal ialah seperti

kebakaran, kemalangan semasa pendakian, orang awam sesat, pekerja pembalakan ditimpa pokok dan lain-lain lagi.

- 2.2 Pada masa ini, tugas-tugas menyelamat biasanya dilakukan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tugas tersebut juga turut dibantu oleh pasukan sokongan lain seperti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan juga badan-badan sukarela. Walaupun tugas-tugas menyelamat ini dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, namun didapati kerapkali berlaku kesukaran dalam melaksanakannya dengan baik kerana insiden yang berlaku adalah di dalam hutan yang tebal dan berisiko tinggi. Ketiadaan kepakaran mengenai hutan dan selok-belok kawasan hutan dimana berlakunya kemalangan telah menyukarkan lagi keadaan.
- 2.3 Untuk mengatasi permasalahan ini, pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia perlu mengambil inisiatif dalam membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di dalam operasi menyelamat yang melibatkan kawasan hutan. Salah satu usaha yang boleh dilakukan ialah melalui penubuhan Pasukan Penyelamat Perhutanan di Negeri-Negeri atau Daerah/Jajahan.
- 2.4 Penubuhan Pasukan Penyelamat Perhutanan ini juga adalah berdasarkan kepada ketetapan berikut:

- a) Pelan Tindakan Perancangan Strategik JPSM (2008-2020) pada Teras 2: Startegi 3; Program 1; Aktiviti 1 yang menyatakan keperluan penyediaan garis panduan dan penubuhan Pasukan Penyelamat Perhutanan di Negeri.
 - b) Majlis Keselamatan Negara (Arahan 20.) pada perkara 35 menyatakan agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana bertanggungjawab untuk berkerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan setiap perkara yang digariskan dalam Arahan ini.
- 2.5 Penubuhan Pasukan Penyelamat Perhutanan ini adalah bertujuan untuk bersama-sama membantu agensi penyelamat terutamanya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam operasi menyelamat di dalam kawasan hutan, khususnya di Hutan Simpanan Kekal. Selain itu, penubuhan Pasukan Penyelamat Perhutanan ini juga dapat menyediakan perkhidmatan pertolongan cemas dan operasi menyelamat kecemasan sekiranya mendapat maklumat awal mengenai insiden tersebut selain menjadi pengajar latihan atau kursus dalaman kepada kakitangan perhutanan yang lain.
- 2.6 Bagi tujuan tersebut, satu garis panduan dalam pengurusan Pasukan Penyelamat Perhutanan diadakan supaya dapat digunakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri sebagai panduan dan rujukan yang berguna dalam mengurus Pasukan

Penyelamat Perhutanan apabila ditubuhkan kelak. Garis panduan ini secara amnya menerangkan struktur organisasi pasukan penyelamat, tanggungjawab pasukan, senarai logistik/peralatan yang diperlukan semasa operasi menyelamat, aliran komunikasi dan bentuk laporan serta lain-lain yang berkaitan.

3.0 OBJEKTIF

3.1 Garis panduan ini disediakan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Mengeluarkan satu garis panduan yang sistematik dan seragam bagi pengurusan dan penubuhan Pasukan Penyelamat Perhutanan.
- Melahirkan pegawai penyelamat yang berpengetahuan dan berkemahiran di dalam mengendalikan kes-kes kemalangan di dalam hutan.
- Meningkatkan keyakinan dan disiplin diri serta mengamalkan gerak kerja yang selamat serta efisien mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

4.0 DEFINISI

4.1 Kecemasan

Sesuatu kejadian yang tidak dijangka serta berpotensi membawa kemudaratian kepada manusia, harta benda dan persekitaran serta memerlukan tindakan segera.

4.2 Tindakan Kecemasan

Aktiviti yang perlu diambil tindakan dengan segera di luar dari aktiviti biasa bagi mengurus kejadian kecemasan.

4.3 Pasukan Penyelamat Perhutanan

Pasukan yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk menggerak, menjalan dan menyelia kerja-kerja menyelamat semasa menghadapi kejadian kecemasan.

4.4 Hazad

Sesuatu sumber atau punca, situasi atau tindakan yang berpotensi boleh mendarangkan kemudaratian dalam bentuk kecederaan atau gangguan kesihatan kepada manusia, kerosakan harta benda atau alam sekitar atau gabungan di antaranya.

4.5 Risiko

Gabungan faktor kemungkinan berlakunya sesuatu kejadian hazad dalam sesuatu jangkamasa atau keadaan tertentu dengan faktor keterukan kecederaan atau kerosakan kepada

manusia, harta benda, alam sekitar atau gabungan di antaranya .

4.6 Bahaya

Pendedahan relatif kepada hazard yang ada sasaran iaitu manusia atau harta benda.

4.7 Pasukan Penyelamat Utama

Agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi mencari dan menyelamat serta memberi perkhidmatan perubatan kecemasan dan bantuan logistik lain ketika sesuatu kejadian kecemasan berlaku seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

5.0 JENIS-JENIS KECEMASAN

5.1 Kecemasan Semulajadi

Banjir, ribut taufan, tanah runtuh, tsunami, pokok tumbang, petir, serangan hidupan liar/serangga, wabak penyakit dan masalah kesihatan.

5.2 Kecemasan disebabkan oleh aktiviti manusia

Kebakaran, tanah runtuh, kemalangan jalan raya/jalan hutan, bangunan runtuh, jalan runtuh, sesat/terperangkap di dalam hutan dan lemas di dalam air.

6.0 KATEGORI KECEMASAN

6.1 Hazad yang terdapat di kawasan Hutan Simpanan Kekal akan menyebabkan berlakunya kecemasan kepada pengunjung. Tahap kecemasan pula bergantung kepada impak risiko yang berlaku. Secara umumnya risiko sering berlaku di kawasan Hutan Simpanan Kekal ialah sebagaimana berikut:

Hazad	Risiko
Pokok rosak/berduri	Dihempap dahan patah/ pokok tumbang, kena duri pokok
Air terjun tinggi	Lemas di air berpusar, dihempap batu jatuh
Jalan rosak/licin	Terjatuh dalam lubang, perjalanan terputus
Air sungai deras	Lemas dibawa arus, dihempap tebing runtuh
Bukit/Gua berbatu	Tergelincir dari batu licin, dihempap batu jatuh
Binatang/serangga berbisa	Dipatuk ular, digigit serangga berbisa

6.2 Risiko yang berlaku di Hutan Simpanan Kekal boleh dikategorikan mengikut tahap kecemasan yang akan ditentukan oleh Ketua Pasukan Operasi Menyelamat sebagaimana berikut:

a) Kecemasan Kategori I

Kemalangan biasa yang tidak melibatkan kecederaan mangsa dan boleh diselesaikan oleh kakitangan Jabatan di lokasi kejadian.

b) Kecemasan Kategori II

Kemalangan sederhana serius yang kecederaan mangsa boleh dirawat oleh kakitangan Jabatan dan perlu dibantu oleh agensi lain di lokasi kejadian. Contohnya ialah gigitan binatang berbisa, lemas, patah ringan, muntah, cirit- birit, terbakar melecur dan luka.

c) Kecemasan Kategori III

Kemalangan bersifat serius dan kritikal dimana mangsa tidak boleh dirawat oleh kakitangan Jabatan dan perlu bantuan agensi lain seperti tidak sedarkan diri atau patah teruk, cedera parah akibat ditimpa pokok, sesat dalam hutan dalam tempoh kurang daripada 24 jam, wabak virus, sesak nafas kronik dan serangan jantung.


d) Kecemasan Kategori IV

Kemalangan yang sangat serius yang melibatkan kematian/maut dan orang awam hilang dalam hutan melebihi 24 jam.

7.0 STRUKTUR PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN

Pasukan ini dianggotai oleh empat hingga lima orang yang terdiri dari seorang pegawai dan beberapa kakitangan sokongan di Jabatan Perhutanan Negeri yang akan melaksanakan tugas di lokasi berlakunya kecemasan. Struktur Pasukan Penyelamat Perhutanan adalah seperti di Carta 1.

Carta 1: Struktur Pasukan Penyelamat Perhutanan



8.0 BIDANG TUGAS PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN

Bidang tugas Pasukan Penyelamat Perhutanan adalah seperti berikut:

8.1 Pengesahan

- a. Mengenalpasti dan merancang aktiviti-aktiviti pengesahan lokasi kejadian kemalangan melalui maklumat laporan, rondaan atau arahan.
- b. Menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain terutamanya dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta Angkatan Tentera Malaysia dalam menjalankan kerja-kerja pengesahan.

8.2 Pencegahan

- a. Merancang pengurusan logistik dan perancangan semasa menjalankan operasi menyelamat.
- b. Memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan-kawasan jagaan Jabatan Perhutanan Negeri seperti Hutan Lipur, Hutan Taman Negeri dan kawasan-kawasan rekreasi mematuhi piawaian keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- c. Melakukan rondaan dan pemeriksaan keselamatan dari semasa ke semasa di kawasan-kawasan jagaan

Jabatan Perhutanan Negeri yang berisiko kemalangan dan mengenalpasti tindakan pencegahan dilakukan.

- d. Mengurus sebarang risiko kemalangan dengan mengambil tindakan kawalan terhadap setiap hazard yang dilaporkan.

8.3 Operasi

- a. Menentukan sumber kewangan untuk menjalankan operasi menyelamat.
- b. Mendapatkan logistik/peralatan yang sesuai dan berkesan untuk menjalankan kerja-kerja menyelamat.
- c. Menentukan sumber bantuan pasukan penyelamat dari daerah lain dan agensi Kerajaan yang lain jika melibatkan skala kemalangan yang besar dan luar kawalan.
- d. Berkerjasama sebagai pasukan sokongan sekiranya operasi diambil-alih oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia atau lain-lain agensi yang dipertanggungjawabkan.

8.4 Latihan

- a. Melaksana dan meningkatkan latihan ahli pasukan bersama agensi-agensi kerajaan yang lain.

- b. Mendapatkan pendedahan tentang penggunaan peralatan menyelamat dengan betul serta memilih peralatan yang sesuai bagi tempat dan situasi kecemasan.
- c. Meningkatkan kemahiran kecekapan dan keyakinan diri menggunakan peralatan berkaitan semasa melakukan kerja-kerja menyelamat.

9.0 LOGISTIK/PERALATAN

Logistik/peralatan menyelamat yang bersesuaian diperlukan supaya operasi dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan.

Antara logistik/peralatan yang diperlukan adalah seperti berikut:

- a. Pengangkutan seperti kenderaan pacuan empat roda, bot dan motosikal.
- b. Peralatan komunikasi dan GPS.
- c. Peralatan memotong seperti mesin gergaji, parang, kapak.
- d. Peralatan memanjat seperti tali, abah-abah.
- e. Peralatan skuba.
- f. Peralatan memadam api seperti pam air, hose air.
- g. Peta lokasi kejadian kecemasan.
- h. Kelengkapan peti kecemasan.
- i. Peralatan perlindungan diri.
- j. Kelengkapan bilik gerakan seperti perabut asas, papan kenyataan.
- k. Pakaian seragam/vest, khemah, generator.

10.0 PERINGKAT TANGGUNGJAWAB


Tugasan pengurusan Pasukan Penyelamat Perhutanan dilaksanakan mengikut peringkat-peringkat seperti berikut:

Peringkat	Pegawai Bertangungjawab	Tugas
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	<p>Pengarah Bahagian Ladang Hutan & Perlindungan Hutan (BLH): - kecemasan kebakaran di HSK.</p> <p>Pengarah Bahagian Forest Eco Park & Hutan Taman Negeri (BEP): - kecemasan di Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri</p> <p>Pengarah Bahagian Teknikal & Industri Kayu (BTK): - lain-lain kecemasan di HSK.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Mengumpul laporan operasi mencari dan menyelamat daripada negeri. 2) Bekerjasama dengan negeri mengenai latihan dan kursus tentang operasi dan menyelamat.
Jabatan Perhutanan Negeri	Pengarah Perhutanan Negeri sebagai Pegawai Kawalan Operasi	<ol style="list-style-type: none"> 1) Menubuhkan Pasukan Penyelamat Perhutanan Negeri.


		<p>2) Menyediakan pos kawalan operasi/ bilik gerakan dan logistik/ peralatan.</p> <p>3) Menerima dan mengesah setiap laporan insiden di kawasan hutan.</p> <p>4) Menyelaras pergerakan pasukan penyelamat semasa insiden di dalam hutan.</p> <p>5) Mengemukakan laporan insiden kepada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM).</p>
Pejabat Hutan Daerah/ Jajahan Negeri	Pegawai Hutan Daerah/Jajahan sebagai Ketua Pasukan Penyelamat Perhutanan	<p>1) Menyelaras rondaan dan pemeriksaan keselamatan di kawasan milik Jabatan Perhutanan Negeri yang berisiko kemalangan.</p> <p>2) Menerima dan merekod laporan insiden di kawasan hutan.</p>

		<p>3) Mengumpul dan menggerak ahli pasukan menyelamat apabila berlaku kejadian kecemasan.</p> <p>4) Menyelaras dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia semasa operasi menyelamat.</p> <p>5) Mengemukakan laporan insiden kepada PPN.</p>
Pejabat Hutan Daerah/ Jajahan Negeri	Pasukan Operasi Menyelamat <i>(penggunaan borang di Lampiran A)</i>	<p>1) Memberi bantuan awal kepada mangsa di lokasi kejadian.</p> <p>2) Memberi kerjasama kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain semasa operasi menyelamat.</p> <p>3) Mengemukakan laporan insiden kepada Pegawai Hutan Daerah/Jajahan.</p>

11.0 CARTA PROSES KATEGORI KECEMASAN



12.0 KAITAN ARAHAN OPERASI KECEMASAN DAN BENCANA



13.0 KESIMPULAN

Garis panduan ini akan dapat membantu Jabatan Perhutanan Negeri bagi mewujudkan Pasukan Penyelamat Perhutanan untuk meningkatkan imej Jabatan di dalam pengurusan sektor perhutanan dalam mengatasi kejadian awal kecemasan di Hutan Simpanan Kekal dan seterusnya dapat menyokong arahan Kerajaan dalam memperkasakan pengurusan bencana Negara.

14.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”

“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh: November 2015

Lampiran A



LAPORAN OPERASI PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN

Negeri : _____ Daerah : _____
 Lokasi Kejadian : _____ Mukim : _____
 Keluasan : _____ Grid/koordinat : _____
 Kategori Kecemasan : I / II / III / IV Tarikh Kejadian : _____

A : MAKLUMAT KEJADIAN

Tarikh: _____ Masa: _____
 Nama Pelapor: _____ No. Kad Pengenalan: _____
 Lokasi Kemalangan: _____ No Telefon: _____
 Huraian Kemalangan: _____

B : PASUKAN OPERASI MENYELAMAT

Jabatan Perhutanan Negeri: _____ Daerah/Renj. Hutan: _____
 Tarikh Berkumpul: _____ Masa Berkumpul: _____
 Lokasi Pasukan Berkumpul: _____

BIL	KETUA PASUKAN	NO KAD PENGENALAN
1.		
BIL	NAMA AHLI PASUKAN	NO KAD PENGENALAN
1.		
2.		
3.		
4.		

Di Lokasi Kemalangan:

Tarikh tiba: _____

Masa: _____

Lokasi sebenar kemalangan: _____

Koordinat GPS: _____

Lakaran Lokasi Kemalangan:

Maklumat Mangsa Kemalangan:

BILANGAN MANGSA	:	L		P		TINDAKAN YANG DIAMBIL
BIL TIDAK CEDERA	:					
BIL CEDERA RINGAN	:					
BIL CEDERA BERAT	:					
BIL MAUT	:					

Di Lokasi Selamat (Tapak Kawalan Operasi)

Tarikh tiba: _____

Masa: _____

Maklumat Mangsa Kemalangan:

BILANGAN MANGSA	:	L	P	TINDAKAN YANG DIAMBIL	
				L	P
BIL TIDAK CEDERA	:				
BIL CEDERA RINGAN	:				
BIL CEDERA BERAT	:				
BIL MAUT	:				

Maklumat Keadaan Ahli Pasukan Operasi Menyelamat:

BIL	NAMA AHLI	MAKLUMAT KECEDERAAN
1.		
2.		
3.		
4.		

C : CATATAN

Dilapor Oleh Ketua Pasukan Operasi Menyelamat :

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____

Disemak Oleh Pegawai Hutan Daerah/Jajahan:

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____

Disahkan Oleh Pengarah Perhutanan Negeri:

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____

.....
Cop Jabatan